

PLUS PERKUKUH INFRASTRUKTUR MOBILITI HIJAU

112 Poin Pengelas EV Kini Beroperasi di Lebuhraya PLUS

Petaling Jaya, 18 Ogos 2025: PLUS Malaysia Berhad (PLUS) terus memperkuuh komitmennya terhadap mobiliti rendah karbon menerusi peluasan infrastruktur pengelasan kenderaan elektrik (EV) di sepanjang lebuh raya kendaliannya, termasuk Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2). Sehingga 30 Jun tahun ini, sebanyak 112 Poin Pengelas EV kini sedang beroperasi, melebihi sasaran awal PLUS iaitu 100 poin pengelas EV menjelang akhir 2025.

Poin pengelas ini ditempatkan secara strategik di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R), hentian sebelah, serta dalam kawasan stesen minyak terpilih di sepanjang Lebuhraya PLUS bagi memastikan akses lebih mudah kepada pengguna EV.

Menyokong Agenda Kelestarian

Menurut Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, "Inisiatif ini sejajar dengan Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2.0 serta menyumbang kepada pencapaian 1,000 poin pengelas pantas menjelang 2025 di bawah Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (2021-2030). Bagi menggalakkan lagi penggunaan pengangkutan rendah karbon, kemudahan pengelasan kenderaan elektrik di sepanjang lebuh raya PLUS turut dilengkapi dengan bumbung panel solar dan Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS).

Sebahagian poin pengelas EV di sepanjang Lebuhraya PLUS turut dilengkapi dengan sistem bumbung solar serta sistem penyimpanan tenaga bateri (BESS) bagi menyokong agenda kelestarian.

Pencapaian Terkini dan Inisiatif Akan Datang

"PLUS mensasarkan pembukaan Hab EV Lebuhraya pertama di Malaysia di R&R Seremban (Arah Selatan) oleh Terra ChargEV, yang merupakan satu usaha sama antara anak syarikat PLUS iaitu Terra PLUS Sdn Bhd bersama Green EV Charge yang dijangka akan siap sepenuhnya pada suku pertama 2027. Selain itu, PLUS turut merancang projek perintis yang dikenali sebagai "Charge and Chill" di beberapa plaza tol terpilih menjelang 2025. Inisiatif ini menggabungkan infrastruktur pengelasan EV dengan kemudahan F&B bagi memberikan pengalaman lebih baik kepada pengguna EV sewaktu berhenti rehat," jelas Datuk Nik Airina.

Selain daripada mengoperasikan sejumlah 350 lokasi pengelasan EV menjelang tahun 2028, PLUS akan memulakan projek perintis berjenama "Charge and Chill" di beberapa plaza tol terpilih menjelang tahun 2025, yang bertujuan menggabungkan infrastruktur pengelasan EV dengan kemudahan Makanan & Minuman (F&B) bagi meningkatkan pengalaman rehat pengguna EV.



Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

Ciri Teknologi dan Keserasian

Menurut Ketua Pegawai Komersial PLUS, Mohd Fauzi Puniran, "Kesemua poin pengecas EV yang dipasang di rangkaian Lebuhraya PLUS dan LPT2 ialah poin pengecas pantas arus terus (DCFC) khusus bagi menyokong perjalanan jarak jauh dengan masa pengecasan yang lebih pantas. Kuasa *output* adalah di antara 47 kW hingga 200 kW, membolehkan kenderaan mencapai 80 peratus tahap pengecasan dalam masa antara 15 hingga 30 minit, bergantung kepada spesifikasi kenderaan dan tahap bateri yang sedia ada. Semua poin pengecas EV menggunakan penyambung CCS2 universal, serasi dengan kebanyakan jenama EV utama di pasaran."

Menyediakan Kemudahan Pengguna EV yang lebih selesa

Kebanyakan R&R dan hentian sebelah PLUS turut menawarkan pelbagai kemudahan seperti restoran, kedai serbaneka, surau, tandas dan ruang menunggu berbumbung untuk pengguna EV semasa mengecas kenderaan mereka.

Kadar penggunaan purata bagi pengecas EV di lebuh raya PLUS tahun ini mencecah peratusan yang baik, mencerminkan pertumbuhan yang stabil dan ia dijangka meningkat seiring kadar pemilikan EV yang terus berkembang.

Lokasi poin pengecas EV juga boleh dicapai melalui aplikasi mudah alih PLUS serta aplikasi oleh pengendali poin pengecas seperti JomCharge, Gentari Go dan ChargEV App, yang membolehkan pengguna EV menyemak lokasi, ketersediaan masa nyata, membuat pembayaran serta pemantauan sesi pengecasan dengan lebih mudah.

PLUS akan terus memberikan komitmen dan usaha dalam menyediakan tahap perkhidmatan dan pengalaman perjalanan yang lebih baik kepada pengguna lebuh raya pada masa hadapan.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---

LAMPIRAN

